

# Kejayaan hasil keringat rakyat

Mohd Idros Mohd Ali dan Ahmad Shuhaimi Zabri

GEORGETOWN, Ahad - Kejayaan dan pencapaian yang sedang dinikmati oleh negara ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa kerelaan rakyatnya untuk berkorban bagi mencapai kedamaian bagi masa depan mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata keadaan itu dapat dilihat apabila rakyat sanggup membanting tulang dan mengeluarkan peluh bagi membangunkan negara ini.

"Apa yang ada di Malaysia hari ini adalah hasil daripada kebijaksanaan, ketabahan dan kegigihan rakyat Malaysia sendiri, walaupun kerajaan boleh menerima sedikit daripada pujian itu," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar pada Dialog Pasifik' di sini, hari ini.

Dialog tiga hari itu dihadiri oleh lebih 60 peserta dan pemerhati dari Amerika Syarikat, Australia, Brunei Darussalam, Hong Kong, Jepun, Filipina, Singapura dan Thailand.

Perwakilan Malaysia diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dr Mahathir berkata, berikutan itu Malaysia mampu mencatat secara purata tujuh peratus pertumbuhan ekonomi setahun sejak hampir suku abad yang lalu.

"Dalam tempoh tujuh tahun lalu, pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar purata 8.4 peratus setahun dengan kadar purata inflasi 3.6 peratus.

"Dalam tempoh akan datang sehingga tahun 2020, kira berharap untuk berkembang dengan kadar purata tujuh peratus setahun," katanya.

Menurutnya, jika Malaysia mampu berbuat demikian dalam tempoh itu, ia boleh menjadi negara membangun dengan taraf hidup yang setanding di Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berkata, keadaan itu juga membolehkan Malaysia menjadi negara yang pertama da-

lam dunia bebas untuk mematahkan perjuangan subversif komunis.

"Malaysia juga boleh berbangga kerana akan mengadakan pilihan raya yang ke-10 tidak lama lagi, tidak tahu berapa singkat tempohnya.

"Kita berbangga kerana sejak 1955, apabila Malaysia mengadakan pilihan raya yang pertama untuk memilih kerajaan prokemerdekaan, kita berjaya mengadakan lapan lagi pilihan raya

yang bebas iaitu pada 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986 dan 1990, pilihan raya di mana parti pembangkang bukan saja memenangi kerusi tetapi dapat mengambil alih kerajaan negeri.

"Ini adalah satu rekod pencapaian untuk negara membangun dan demokrasi kemerdekaan yang baru," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, sebagai negara yang berbilang etnik dan agama, dengan pelbagai ca-

baran dan kesukaran, Malaysia tidak akan berjaya tanpa mengekalkan demokrasi yang sihat.

"Tuhan tahu apa yang akan berlaku jika kita mengambil bentuk demokrasi Sweden atau Itali atau Jepun.

"Saya menyebut perkara ini tanpa maksud mana-mana bentuk demokrasi ini adalah tidak baik. Maksud saya ialah setiap satunya mempunyai cara tersendiri," katanya.